



TAHUKAH KITA? RM15.7 JUTA BANTUAN COVID 19 ZAKAT PULAU PINANG



Laporan Bantuan Covid 19 - Sehingga 15 Ogos 2020

	Amaun (RM)	Bil Penerima (Orang)
Bantuan Khas (Covid-19) - Peniaga Kecil/ Penjaja	2,574,500.00	5,149
Bantuan Khas (Covid-19) - E-Hailing / Pekerja Harian	1,834,500.00	3,669
Bantuan Khas (Covid-19) - Pencucian Masjid & Surau	252,400.00	236
Bantuan Khas (Covid-19) - Asnaf Putus Belanja (Kariah)	1,126,240.00	200
Bantuan Khas (Covid-19) - Asnaf Putus Belanja (Persatuan)	9,200.00	46
Bantuan Khas (Covid-19) - Guru Agama & Tahfiz	733,000.00	1,466

	Amaun (RM)	Bil Penerima (Orang)
Bantuan Masyarakat Rohingya	40,000.00	1,000
Bantuan Sarahidup Bulanan (Mac & April)	2,629,300.00	3,731
Bantuan Makanan Bulanan (Mac & April)	328,844.65	734
Bantuan Nur Ramadhan	2,158,100.00	3,083
Saguhati Hari Raya	4,079,050.00	9,017
JUMLAH	15,765,134.65	28,331

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan institusi zakat di Malaysia yang paling awal telah bergerak dan mara ke hadapan dalam menyantuni rakyat yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Di Negeri Pulau Pinang sebanyak RM15.7 juta bantuan khas telah diperuntukkan daripada dana zakat oleh ZPP.

Berdepan dengan fenomena luar biasa ini, ZPP segera mengambil langkah proaktif dan responsif dalam spektrum sosioekonomi ummah untuk menjadi benteng umat Islam di Pulau Pinang. ZPP menyasarkan bantuan yang bukan sahaja efektif bahkan juga efisien. Hal ini demikian disebabkan penularan pandemik Covid-19 semakin meruncing dan memerlukan perhatian yang serius dan komprehensif.

Antara perkara-perkara yang diberi perhatian oleh ZPP terhadap implementasi bantuan khas dalam tempoh yang kritikal ini adalah:

- Impak yang besar kepada golongan sasaran khususnya golongan asnaf dan golongan yang terjejas punca pendapatan dan kelangsungan hidup.
- Efisien dalam sistem penyampaian (delivery system) bantuan ZPP supaya sampai ke golongan sasaran.
- Memastikan penyaluran maklumat bantuan kepada masyarakat dengan pantas.

ZPP komited memastikan pendekatan yang inklusif dan holistik dalam usaha memulihkan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Paparan ini memperincikan inisiatif Bantuan Khas Covid-19 ZPP. Insya Allah, moga matlamat ZPP untuk terus memacu keharmonian ummah diberkati Allah swt.

Amran Hazali
Ketua Pegawai Eksekutif
Zakat Pulau Pinang, MAINPP

INFO

**JUMLAH KUTIPAN
DAN AGIHAN ZPP
(Setakat Ogos 2020)**



RM4.8 JUTA UNTUK PROGRAM PEMERKASAAN ASNAF

Zakat Pulau Pinang Pada Masa Sekarang Dan Akan Datang

PROGRAM	OBJEKTIF PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)
Kursus Asas Penjagaan Selepas Bersalin	Membantu asnaf wanita menjalankan rawatan berpantang yang sesuai dengan penjagaan diri wanita yang merangkumi urutan terapi kecantikan dan kesihatan. Meningkatkan pendapatan usahawanita melalui pendekatan Mentor-Mentee yang diterapkan serta mengeluarkan asnaf dari belunggu kemiskinan	200,000.00
Program Tunas Usahawan Zakat Pulau Pinang (SME Corp)	Melahirkan usahawan asnaf yang berdaya maju melalui kursus dan latihan bersepadu serta pemantauan yang bersistematik secara berterusan.	1,300,000.00
Projek Usahawan Peladang Asnaf	Melahirkan usahawan asnaf yang berjaya dalam bidang pertanian dan perladangan melalui pengalaman dan latihan yang diberikan.	250,000.00
Projek Ternakan Ayam Kampung	Melahirkan usahawan asnaf yang berjaya dalam bidang penternakan melalui pengalaman dan latihan yang diberikan. Membuka peluang kepada asnaf untuk berdikari serta menggunakan kemahiran sendiri bagi mengendalikan sebuah perniagaan yang berpotensi maju.	50,000.00
Kolej Tajaan • Kulim Advanced Technologies	Melaksanakan kursus latihan kemahiran dalam industri pemesanan dan robotik khususnya kepada golongan belia yang tercicir dalam bidang akademik serta mempunyai taraf sosio ekonomi yang rendah dalam kalangan keluarga asnaf di Pulau Pinang.	250,000.00
Kolej Tajaan • Akademi Binaan Malaysia	Meningkatkan latihan kemahiran dalam industri pembinaan khususnya kepada golongan belia yang tercicir dalam bidang akademik dan mempunyai taraf sosio ekonomi yang rendah khususnya dalam kalangan keluarga asnaf. Membangunkan modal insan sedia ada melalui peningkatan kemahiran dan kecekapan dalam bidang berasaskan pembinaan di samping meningkatkan penglibatan mereka dalam kerjaya berkaitan industri pembinaan negara.	370,000.00
Kolej Tajaan • Naza Academy	Memberi latihan dan pengalaman yang berbentuk kemahiran dan bukan kemahiran khususnya golongan asnaf fakir dan miskin serta meningkatkan kemahiran dalam industri automotif.	1,065,000.00
Kolej Tajaan • Penang Skills Development Centre	Meringankan beban golongan asnaf fakir dan miskin serta memberi peluang kepada para pelajar bagi meningkatkan lagi kemahiran diri yang diharapkan dapat menjamin peluang pekerjaan dalam industri seterusnya dapat menjana pendapatan yang lebih baik pada masa hadapan.	500,000.00
Kolej Tajaan • Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC)	Program ini menyasarkan golongan Bumiputera berpendapatan rendah yang bermastautin di Pulau Pinang supaya berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat profesional perakaunan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan bilangan akauntan profesional Bumiputera di Malaysia.	577,129.00
Bantuan Pengangkutan Pelajar Asnaf Ke Sekolah	Bekerjasama dengan bas Rapid Penang untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada para pelajar daripada keluarga asnaf untuk hantar ke sekolah dan pulang ke rumah, khususnya kepada penduduk sekitar Flat PPR Ampang Jajar.	50,000.00
Perumahan Wakaf Asnaf (Bantuan Sewa Rumah)	Menyediakan kediaman/membiayai bayaran sewaan rumah kepada asnaf yang tidak mampu memiliki kediaman sendiri.	200,000.00

